

MUTIARA BERITA

Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak (PPWS)
Sarawak Federation of Women's Institutes (SFWI)



Bil. 146 Januari - Jun 2026



Semua peserta PPWS Sri Aman yang menyertai Program Bengkel Asas Artificial Intelligence (AI)

BENKEL ASAS ARTIFICIAL INTELLIGENCE (AI)

Program ini diadakan bertujuan memperkenalkan teknologi Kecerdasan Buatan (AI) serta meningkatkan tahap literasi digital dalam kalangan ahli-ahli PPWS sejajar dengan perkembangan teknologi masa kini.

Sepanjang bengkel, ahli-ahli PPWS telah didedahkan kepada konsep asas AI, penggunaan pelbagai aplikasi digital yang dapat membantu urusan harian, serta kaedah memanfaatkan teknologi secara beretika dan berkesan. Sesi yang interaktif dan praktikal telah memberi peluang kepada peserta untuk meneroka sendiri penggunaan teknologi AI dalam pelbagai bidang.

Program ini diharap dapat memperkasakan masyarakat dengan kemahiran digital yang relevan, sekali gus meningkatkan keyakinan mereka untuk memanfaatkan teknologi dalam kehidupan seharian, pendidikan, pekerjaan dan aktiviti kemasyarakatan. Kerjasama strategik antara PPWS bersama pihak Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI) dan KEMAS juga diharapkan dapat terus diperluaskan bagi melahirkan komuniti yang celik digital dan bersedia menghadapi era transformasi teknologi.



Limbang, 11 Jun 2026



Sri Aman, 13 Jun 2026



Kuching, 23 & 30 Mei 2026

Perjumpaan Bersama Penaung PPWS 28 Januari 2026 Kediaman Rasmi TYT Sarawak, Kuching

Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Patinggi Fauziah binti Mohd Sanusi, berkenan mengadakan perjumpaan bersama delegasi Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak (PPWS). Delegasi tersebut diketuai oleh YBhg. Dato Hajah Norhyati binti Haji Ismail, Pengerusi Negeri PPWS.

Dalam pertemuan itu, YABhg. Toh Puan Datuk Patinggi Fauziah telah dimaklumkan bahawa PPWS, yang ditubuhkan pada tahun 1962, kini mempunyai keanggotaan melebihi 11,000 orang wanita di seluruh Sarawak. Delegasi PPWS turut membentangkan taklimat mengenai perkembangan pertubuhan serta pelaksanaan pelbagai aktiviti yang dirancang bagi tahun 2025/2026, termasuk cabaran dalam memastikan kelestarian program dan penglibatan aktif ahli di seluruh negeri.

Sebagai Penaung PPWS, YABhg. Toh Puan Datuk Patinggi Fauziah binti Mohd. Sanusi telah memberikan beberapa nasihat dan cadangan kepada delegasi bagi memperkukuh hala tuju pertubuhan serta meningkatkan keberkesanan program, selaras dengan keperluan masyarakat dan pembangunan sosial di Sarawak. Beliau juga menzahirkan penghargaan atas usaha murni PPWS dan Kerajaan Sarawak dalam memartabatkan serta meningkatkan kesejahteraan wanita di negeri ini.

Turut hadir bersama adalah Puan Hajah Zainab Tambi, Timbalan Pengerusi PPWS dan Puan Hajah Rhohanniza Amika, Setiausaha Eksekutif PPWS.



Jawatankuasa Induk dengan Panel Penasihat PPWS

Perjumpaan Jawatankuasa Induk PPWS Bersama Penasihat PPWS 13 Februari 2026 Kuching, Sarawak

Perjumpaan Jawatankuasa Induk dengan Panel Penasihat PPWS telah diadakan bagi membentangkan pencapaian pada tahun lepas dan juga perancangan aktiviti PPWS bagi tahun 2026. Barisan Penasihat PPWS juga diberi maklum tentang perkembangan PPWS termasuk perancangan tentang projek bangunan baharu Ibu Pejabat PPWS Antara program utama yang akan diadakan pada tahun ini ialah Pelikat & Batik Fun Walk, Seminar Ekonomi Penjagaan dan juga latihan pembangunan wanita berkaitan Artificial Intelligence (AI) dan Digital. Penasihat PPWS ialah YBhg. Dato Hajah Rashidah Bolhassan, YBhg. Dato Hajah Rugayah Abdul Majid dan Puan Lila M. H. Tan.



Penaung PPWS bersama Puan Hajah Zainab Tambi, Timbalan Pengerusi PPWS dan Puan Hajah Rhohanniza Amika, Setiausaha Eksekutif PPWS.

Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2026
10 Mac 2026
Kuala Lumpur, Malaysia

Perdana Menteri, YAB Datuk Seri Anwar Ibrahim telah merasmikan Sambutan Hari Wanita Antarabangsa (SHWA) 2026 di Pusat Perdagangan dan Pameran Antarabangsa Malaysia (MITEC) di ibu negara yang telah dianjurkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).

Bertemakan "Memartabat Wanita, Memperkukuh Negara", beliau turut melancarkan Perantara Rujukan, Intervensi, Sokongan, Maklumat dan Advokasi untuk Wanita (PRISMANita), serta mengumumkan insentif pengecualian cukai kepada badan korporat yang menaja caruman Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (Lindung Kasih).

Pada majlis yang sama, Perdana Menteri turut menyampaikan tiga anugerah, dengan yang tertinggi Anugerah Ikon Wanita 2026 kepada Yang Berbahagia Dato Hajah Rugayah Abdul Majid. Yang Berbahagia Dato Hajah Rugayah Abdul Majid telah menyumbang kepada usaha memperkasa wanita luar bandar sejak tahun 1963 melalui kepimpinan dalam Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak (PPWS). Setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada YBhg. Dato Hajah Rugayah Abdul Majid, Penasihat Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak (PPWS) atas penganugerahan Anugerah Ikon Wanita 2026 yang diterima pada hari ini sempena sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2026 yang berlangsung di Malaysia International Trade and Exhibition Centre (MITEC), Kuala Lumpur. Anugerah ini merupakan satu pengiktirafan yang amat bermakna terhadap dedikasi, kepimpinan dan sumbangan besar beliau dalam memperkasa wanita serta menyumbang kepada pembangunan masyarakat, khususnya di Sarawak.



Pengiktirafan diberikan kepada YBhg. Dato Hajah Rugayah Abdul Majid oleh Perdana Menteri, YAB Datuk Seri Anwar Ibrahim

**Jamuan Penghargaan Makan Tengahari Di
Kediaman Penasihat PPWS
29 Mac 2026
Kuching, Sarawak**

Warga PPWS mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada YBhg. Dato Hajah Rugayah Abdul Majid atas Anugerah Ikon Wanita 2025 yang diterima baru-baru ini sempena Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2026 di Kuala Lumpur.



Penyampaian cenderamata disampaikan oleh Dato Hajah Norhyati Haji Mohd Ismail, Pengerusi Negeri PPWS kepada Dato Hajah Rugayah Abdul Majid, Penasihat PPWS



Turut hadir ialah YB Dato' Sri Hajah Nancy binti Haji Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat



Jawatankuasa Induk PPWS dan beberapa ahli PPWS turut hadir

**Kunjungan Hormat PPWS Kepada
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
10 April 2026
Kuching, Sarawak**

Kunjungan ini bertujuan membincangkan perancangan aktiviti yang melibatkan penglibatan pelajar sekolah, khususnya dalam program yang memberi impak kepada pembangunan kemahiran dan potensi anak-anak muda. Terima kasih atas masa dan ruang yang diluahkan oleh YB Dato' Sri bersama Jawatankuasa Tertinggi Induk PPWS. Turut hadir dalam perjumpaan ini ialah YBhg. Datu Dr Hajah Rashidah Bolhassan, Penasihat PPWS dan Puan Hajah Rhohanniza Amika, Setiausaha Eksekutif PPWS.



Dari Kiri: Hajah Aishah Edris, Datu Dr Hajah Rashidah Bolhassan, YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Sr Hajah Siti Khatijah Haji Othman, Hajah Zainab Tambi dan Hajah Rhohanniza Amika

Penyertaan PPWS Dalam Program Anjuran Rakan Strategik



Puan Hajah Zainab Tambi, Timbalan Pengerusi Negeri PPWS mewakili PPWS hadir pada hari ini ke Sesi Perbincangan Kumpulan Fokus (Focus Group Discussion (FGD) untuk projek penyelidikan bersama Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri yang bertajuk Kajian Komparatif Sistem Pelantikan Kehakiman pada 29 Januari 2026.

Majlis Simbolik Pembungkusan Sumbangsih Perayaan Tahun 2026 yang telah dirasmikan oleh YB Dato Sri Hajah Fatimah Abdullah, Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Sarawak (KPWK). Majlis telah diadakan di Dewan Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak (JWKS), Samariang pada 11 Februari 2026.



Puan Anni Hashimah Sulaiman, Pengerusi PPWS Cawangan Sibul/Sarikei/Kapit mewakili P206 Tanjung Manis dan PPWS dalam mempamerkan booth aktiviti di bawah APPGM-SDG di Parlimen Malaysia sempena Sambutan Hari Wanita Sedunia Peringkat Parlimen yg telah dirasmikan oleh YB Puan Alice Lau Kiong Yieng, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat pada 7 April 2026.

PPWS dijemput membuka booth sempena Program Sinergi: Kasih Wanita: Memperkasa Akar Umbi yang dianjurkan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) pada 9 April 2026.





Penyertaan beberapa orang ahli PPWS dan kakitangan PPWS termasuk Setiausaha Eksekutif PPWS dalam Kursus Memperkasa Bakal Pemimpin Wanita Sarawak Peringkat Komuniti anjuran Persatuan Purple Lily telah diadakan pada 10 - 11 Januari 2026, bertempat di Hotel Grand Continental, Kuching.

Penyertaan booth PPWS dan juga jemputan kepada ahli-ahli PPWS ke Program Hari Wanita Antarabangsa Peringkat Zon Borneo Tahun 2026 pada 28 Januari 2026, bertempat di Hotel Pullman, Kuching.



Perkumpulan Green dengan kerjasama Perbadanan Pengurusan Wisma Saberka telah mengadakan Program Agihan Bubur Lambuk sempena Bulan Ramadan Al-Mubarak untuk diagihkan kepada 500 orang di Wisma Saberka, Kuching pada 12 Mac 2026.

Kelas Demonstrasi Masakan PPWS

Kelas Demonstrasi Masakan yang diadakan di Ibu Pejabat PPWS, Kuching merupakan salah satu inisiatif yang dilaksanakan oleh Jawatankuasa Kecil (JKK) Kewangan PPWS yang dipengerusikan oleh Puan Hajah Hanipah Fauziah Shaikh Said. Program ini dianjurkan sebagai usaha strategik untuk menjana sumber kewangan tambahan bagi menyokong aktiviti/program pembangunan wanita termasuk menampung kos pengurusan dan pentadbiran yang dilaksanakan oleh PPWS.

Program ini bertujuan untuk:

- Memberi pendedahan kepada peserta mengenai teknik dan kaedah masakan terkini.
- Meningkatkan kemahiran dan pengetahuan dalam penyediaan hidangan berkualiti.
- Menggalakkan minat keusahawanan dalam bidang kulinari dalam kalangan ahli PPWS.
- Menjana sumber kewangan tambahan bagi memperkukuh tabung PPWS.

Melalui kelas demonstrasi ini, peserta akan berpeluang menyaksikan secara langsung teknik penyediaan pelbagai jenis hidangan oleh tenaga pengajar yang berpengalaman. Antara pengisian program termasuk:

- Demonstrasi langkah demi langkah penyediaan hidangan
- Pendedahan kepada teknik memasak moden dan tradisional
- Tip penyediaan makanan yang efisien dan menarik
- Kaedah penyajian (plating) yang kreatif dan profesional

Program ini bukan sahaja meningkatkan kemahiran peserta dalam bidang masakan, malah membuka peluang untuk menjadikan kemahiran tersebut sebagai sumber pendapatan. Di samping itu, hasil kutipan daripada penganjuran kelas ini akan disalurkan ke dalam tabung PPWS bagi menyokong pelaksanaan program kebajikan, latihan dan pembangunan komuniti wanita di seluruh Sarawak.

PPWS berharap agar Kelas Demonstrasi Masakan ini dapat memberi manfaat kepada para peserta dari segi peningkatan kemahiran serta menyumbang kepada kelestarian kewangan organisasi melalui pendekatan yang kreatif dan berimpak tinggi.

Kelas Membuat Risoles dan Quiche 24 Januari 2026



Kelas ditunjuk ajar oleh Puan Hajah Kartini
Abang Yusuf Puteh

Kelas Belajar Masakan Melanau: Umei Ikan, Kerabu Sesar Unjur, Cucur Sagu Dan Lalaai 14 Februari 2026



Demonstrasi masakan ini ditunjuk ajar oleh
Puan Anni Hashimah Sulaiman

Membuat Pau Gebu (Inti Buttermilk dan Inti Kari Ayam) 11 April 2026



Kelas ini ditunjuk ajar oleh Puan Annie Tan Mei Lee yang berpengalaman dalam bidang masakan di dalam negara dan luar negara. Beliau berkongsi penyediaan doh pau yang lembut dan gebu, teknik menguli serta membentuk dan mengukus pau dengan betul



Peserta melihat secara dekat penyediaan inti
pau

Program Intervensi Kesedaran dan Pencegahan Bunuh Diri Di Sarawak 2026 (Siri I dan Siri II)



Peserta program dan penceramah yang hadir di Serian

4 April 2026, Serian



Ucapan Aluan oleh Puan Hasmah Sauni Samat mewakili Exco PPWS Bahagian Kuching/Samarahan

Program Intervensi Kesedaran dan Pencegahan Bunuh Diri di Sarawak bertemakan "Peka, Prihatin, Ambil Peduli" Siri I telah diadakan pada 4 April 2026 di Serian manakala Siri II telah diadakan pada 25 April 2026 di Kuching.

Program ini merupakan anjuran Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak (PPWS) dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti (KPWK) dan Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak.

Inisiatif ini bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan kesihatan mental, di samping memperkukuh pengetahuan dan keupayaan dalam usaha pencegahan bunuh diri di peringkat komuniti.

Semoga program sebegini dapat memberi impak positif serta membuka ruang sokongan yang lebih luas kepada mereka yang memerlukan.



Peserta diajar urutan mengatasi tekanan/stress

25 April 2026, Kuching



Ceramah disampaikan oleh Puan Nurfatieyah Nadrah Binti Mohammad Salleh, Pegawai Psikologi dari KK Petra Jaya



Ceramah disampaikan oleh Puan Patricia Anna anak Lau, Pegawai Psikologi dari KK Batu Kawa

Majlis Doa Selamat Sempena Hari PPWS 2026
5 Mei 2026
Aras Bawah, Ibu Pejabat PPWS, Kuching

Ibu Pejabat PPWS hari ini telah menganjurkan Majlis Doa Selamat Sempena Hari PPWS yang berlangsung di Aras Bawah, Ibu Pejabat PPWS, Jalan Green, Kuching. Majlis yang bermula pada jam 10.00 pagi telah diadakan secara sederhana sebagai tanda kesyukuran di samping memohon keberkatan, kesejahteraan dan kelancaran perjalanan organisasi dalam memperkasa wanita serta menyumbang kepada pembangunan masyarakat di Sarawak. Antara pengisian utama majlis termasuk bacaan doa, ucapan oleh Pengerusi Negeri PPWS, diikuti dengan sesi simbolik pemotongan kek sempena Hari PPWS. Turut hadir ialah Yang Berbahagia Datu Dr Hajah Rashidah Bolhassan, Yang Berbahagia Dato Hajah Rugayah Abdul Majid, Yang Berbahagia Dato Hajah Norhyati Mohd Ismail, Mantan Pengerusi-Pengerusi Negeri PPWS, Ahli Jawatankuasa Induk PPWS, Ahli Jawatankuasa PPWS Cawangan Kuching/Samarahan dan Setiausaha Eksekutif PPWS serta kakitangan Ibu Pejabat PPWS.



Pertandingan Boling PPWS 2026
16 Mei 2026
Riverside Superbowl, Kuching

Program Pertandingan Boling PPWS 2026 telah disertai seramai 24 orang ahli daripada PPWS Daerah Kuching. Majlis penutupan program telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Dato Hajah Norhyati binti Haji Mohd Ismail, Pengerusi Negeri PPWS yang turut merakamkan penghargaan kepada Jawatankuasa Kecil Sosial dan Rekreasi PPWS yang dipengerusikan oleh Puan Hasmah Sauni Samat, atas inisiatif menganjurkan aktiviti yang memberi manfaat kepada ahli. Program seperti ini bukan sahaja menjadi platform rekreasi sihat, malah memainkan peranan penting dalam mengeratkan hubungan silaturahim, memupuk semangat berpasukan serta meningkatkan kesejahteraan mental dan fizikal dalam kalangan ahli PPWS. Dalam ucapannya, beliau turut menyatakan rasa bangga terhadap penyertaan aktif ahli-ahli PPWS dan berharap agar semangat kebersamaan serta gaya hidup sihat ini akan terus diperkukuhkan melalui pelbagai aktiviti pada masa hadapan. Program anjuran Jawatankuasa Kecil Sosial dan Rekreasi PPWS ini merupakan salah satu usaha berterusan PPWS dalam memperkasakan hubungan komuniti serta menggalakkan penglibatan aktif ahli melalui aktiviti sosial dan rekreasi yang sihat dan bermanfaat. Piala Juara Keseluruhan dimenangi oleh Zuriani Razali dari Perkumpulan Kampung Tunku. Johan Pertandingan Boling PPWS 2026 dimenangi PPWS Kampung Tunku yang diketuai oleh Dayangku Mulia Awangku Ahmad. Normala Saleman dari PPWS Daerah Kuching menjuarai strike terbanyak.



Gawai Beading Workshop 2026
23 Mei 2026
Kuching Community Social Support Centre (CSSC)



Ahli-ahli Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak (PPWS) telah menyertai Gawai Beading Workshop 2026 yang dianjurkan dengan kerjasama Kuching Community Social Support Centre (CSSC).

Bengkel ini telah memberi peluang kepada peserta untuk:

- Mengenali budaya dan makna manik tradisional Iban
- Mempelajari kemahiran asas beading serta corak tradisional
- Berinteraksi dan berkongsi pengalaman bersama komuniti
- Menghasilkan karya manik sendiri sebagai kenangan istimewa

Tujuan program ini diadakan untuk memartabatkan seni warisan dan mengeratkan hubungan komuniti sempena sambutan Gawai!

Kursus Keterampilan Diri Yang Beretika dan Berhemah
8 Jun 2026
Bilik Seminar, Ibu Pejabat PPWS, Kuching

Kursus Keterampilan Diri Yang Beretika dan Berhemah telah dikendalikan oleh Puan Juliana Hamid dari MPS Consultancy & Training, yang berkongsi ilmu serta panduan praktikal berkaitan etika diri, komunikasi berkesan, penampilan profesional serta adab dalam interaksi sosial dan organisasi. Kursus ini telah dihadiri oleh ahli-ahli PPWS dari Kuching, Bau, Serian, Lundu/Sematan, Simunjan dan Sebuyau. Kehadiran ini mencerminkan komitmen berterusan ahli dalam memperkukuh sahsiah diri serta meningkatkan kualiti kepimpinan dan keperibadian. Penganjuran kursus ini bertujuan untuk memperkasa wanita PPWS dengan nilai-nilai etika dan budi pekerti yang tinggi, selaras dengan peranan mereka sebagai pemimpin komuniti dan agen perubahan dalam masyarakat. Selain itu, kursus ini turut memberi penekanan kepada kepentingan imej diri yang positif serta kemahiran komunikasi yang berhemah dalam pelbagai situasi. PPWS berharap agar ilmu dan pengalaman yang diperoleh daripada kursus ini dapat diaplikasikan oleh para peserta dalam kehidupan seharian serta dalam pelaksanaan aktiviti organisasi di peringkat cawangan masing-masing.



Cenderamata dari Puan Hajah Juliana Hamid, MPS Consultancy & Training kepada Pengerusi Negeri PPWS



Para peserta diberikan sijil penyertaan

Kunjungan Mesra PAWE UMT Ke Ibu Pejabat PPWS, Kuching 9 Jun 2026 Kuching, Sarawak

Seramai 20 orang ahli dari PAWE Daerah Kuala Nerus @ PAWE UMT telah melawat Ibu Pejabat PPWS, Kuching. Rombongan diketuai oleh YBhg. Datin Laila Tun Utama Ibrahim. Turut diadakan ialah taklimat berkenaan tadbir urus PPWS oleh Puan Hajah Zainab Tambi, Timbalan Pengerusi Negeri PPWS dan demonstrasi makanan Sarawak oleh pemilik Dapur Melanau di Metrocity, Puan Yati. Beliau menunjuk cara membuat tumpik manakala Puan Hajah Hanipah Fauziah, Ahli Jawatankuasa Induk PPWS menunjuk ajar cara menyediakan linut.



Ucapan aluan telah disampaikan oleh YBhg. Dato Hajah Norhyati binti Haji Mohd Ismail, Pengerusi Negeri PPWS



Sesi demonstrasi makanan Sarawak iaitu tumpik dan linut ditunjuk ajar kepada rombongan



Bersama rombongan PAWE @ UMT di Bangunan Ibu Pejabat PPWS, Kuching

Membuat Aksesori Pin Tudung dan Gelang Manik 13 Januari 2026 Kuching, Sarawak

Objektif utama Perkumpulan Green membuat aksesori pin tudung dan gelang manik adalah untuk menghasilkan hiasan diri yang kreatif dan menjana pendapatan melalui keusahawanan kraf tangan.



Program Ambang Ramadan: Penyediaan Bubur Pedas Sarawak dan Lambuk 1 Februari 2026 Bau, Sarawak

PPWS Daerah Bau menyemarakkan kedatangan bulan Ramadan dengan memasak bubur pedas dan bubur lambuk secara bergotong-royong bertempat di Surau Darul Muttaqin, Taman Mutiara, Bau. Program ini mewujudkan suasana harmoni serta menggalakkan kerjasama penduduk dalam penyediaan bubur pedas dan bubur lambuk secara berganding bahu.



Kelas Membuat DIY Sabun dan Membuat Kek Pilih Kasih 3 Februari 2026 Kuching, Sarawak

Perkumpulan Green telah menganjurkan kelas membuat DIY Sabun dan Kek Pilih Kasih. Pembuatan DIY Sabun dapat menjimatkan individu membeli sabun pencuci pinggan yang dijual di pasaran. Ahli-ahli PPWS juga didedahkan dengan cara membuat Kek Pilih Kasih agar kek klasik ini tidak ditelan zaman.



Kelas Membuat Biskut Gunting dan Kacang Berempah 9 Februari 2026 Samariang, Kuching, Sarawak

Ahli-ahli Perkumpulan Semariang berpeluang mempelajari cara-cara membuat Biskut Gunting dan Kacang Berempah. Snek kudapan ini adalah rangup, sedap dan tahan lama, selain dapat menjadikan produk ini sebagai punca pendapatan sampingan ahli-ahli PPWS. Biskut Gunting dan Kacang Berempah ini sering disajikan semasa musim perayaan.



Sumbangan Infaq Ramadan 2026

Sumbangan Infaq Ramadan diadakan bagi memberi peluang kepada ahli-ahli PPWS untuk melaksanakan amalan kebajikan sepanjang bulan Ramadan, di samping membantu meringankan beban golongan yang memerlukan agar mereka dapat menjalani ibadah puasa dengan lebih sempurna serta membuat persediaan menyambut Hari Raya Aidilfitri dengan lebih bermakna seperti masyarakat lain.



Bengkel Kemahiran Membuat Biskut dan Kek Raya **4-5 Mac 2026** **Samariang, Kuching**

Objektif utama Perkumpulan Semariang menganjurkan Bengkel Kemahiran Membuat Biskut dan Kek Raya adalah untuk melengkapkan ahli dengan kemahiran teknikal dalam pembuatan pastri secara praktikal dan sistematik. Selain itu, bengkel ini bertujuan memupuk semangat keusahawanan dalam kalangan ahli sebagai salah satu sumber penjana pendapatan, di samping membina keyakinan diri melalui penglibatan aktif dalam aktiviti hands-on yang berstruktur dan berimpak.



Program Jom Masak dan Agihan **Bubur Lambuk** **7 Mac 2026** **Lundu, Sarawak**

Perkumpulan Kampung Semunin Jaya dengan kerjasama CENTEXS Lundu telah menganjurkan Program Jom Masak dan Agihan Bubur Lambuk bertempat di Surau Kampung Semunin Jaya, yang turut dihadiri oleh YBhg. Puan Sri Datuk Amar Hajah Jamilah Haji Anu. Program berbentuk sosial dan rekreasi ini dilaksanakan bagi mengimarahkan bulan Ramadan melalui aktiviti kemasyarakatan yang bermanfaat, di samping memupuk semangat gotong-royong, kebersamaan serta nilai keprihatinan dalam kalangan komuniti setempat.



**Program Kasih Ramadan
11 Mac 2026
Kuching, Sarawak**

Perkumpulan Perguwanis telah menganjurkan Program Kasih Ramadan di SK Semariang sebagai usaha memupuk nilai-nilai murni serta menyemai sifat keprihatinan dalam kalangan warga sekolah. Program ini memberi tumpuan kepada usaha membantu golongan yang memerlukan, di samping menghidupkan amalan bersedekah sempena bulan Ramadan yang penuh keberkatan. Seramai tujuh belas (17) orang murid dari sekolah berkenaan telah menerima sumbangan, sekali gus mencerminkan komitmen berterusan dalam memperkukuh semangat kebajikan dan kebersamaan dalam komuniti.



**Pengagihan Bubur Asyura
14 Mac 2026
Samariang, Petra Jaya**

Objektif utama Perkumpulan Semariang dalam penyediaan dan pengagihan Bubur Asyura adalah untuk mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan komuniti, memupuk semangat gotong-royong serta menghidupkan tradisi Islam yang penuh makna. Aktiviti ini juga bertujuan menyemai nilai-nilai murni seperti kerjasama, keprihatinan dan kesyukuran, di samping memperingati peristiwa bersejarah dalam Islam yang berlaku pada 10 Muharam (Hari Asyura).



**Ramah Tamah Aidilfitri
9 April 2026
Kuching, Sarawak**



Perkumpulan Green telah menganjurkan Majlis Ramah Tamah Aidilfitri sebagai usaha untuk memupuk serta mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan ahli. Majlis ini turut berfungsi sebagai platform untuk saling bermaafan, menyemarakkan semangat muhibbah serta memperkukuh perpaduan melalui perkongsian kegembiraan sempena musim perayaan secara inklusif dan harmoni.

Bengkel Membuat Manik 10 April 2026 Lundu, Sarawak

Perkumpulan Kampung Paon telah menganjurkan Bengkel Manik bertempat di Balai Raya Kampung Paon, Lundu. Program berbentuk latihan dan kemahiran ini bertujuan meningkatkan kemahiran serta kreativiti ahli dalam menghasilkan kraftangan manik yang berkualiti, di samping membuka peluang kepada peserta untuk menjadikan hasil kraftangan tersebut sebagai sumber pendapatan sampingan.



Kelas Membuat Kuih Jala 12 Mei 2026

Perkumpulan Green turut mempelajari cara membuat Kuih Jala sebagai usaha menyediakan hidangan warisan tradisional yang popular untuk pelbagai majlis, di samping memelihara seni kuliner turun-temurun. Inisiatif ini juga memberi nilai tambah kerana Kuih Jala merupakan juadah yang versatil, sesuai dijadikan santapan harian, hidangan kenduri serta berpotensi untuk dikomersialkan sebagai produk pemiagaan.



Program Sambutan Hari Ibu



**10 Mei 2026
Perkumpulan Sekambal**



**22 Mei 2026
Perkumpulan Semariang**

Program Sambutan Hari Ibu diadakan sebagai tanda penghargaan terhadap pengorbanan dan jasa ibu, di samping memupuk rasa kasih sayang serta hormat terhadap insan yang banyak berbakti dalam kehidupan. Sambutan ini turut bertujuan mengiktiraf peranan penting institusi keibuan dalam pembentukan keluarga yang sejahtera serta masyarakat yang harmoni dan berdaya saing.

Aktiviti Gotong-Royong 15 Mei 2026 Sematan, Sarawak

Perkumpulan Siru Dayak telah mengadakan aktiviti gotong-royong di Balai Raya Kampung Siru Dayak sebagai usaha memupuk semangat kerjasama, memperkukuh perpaduan serta meringankan beban melalui usaha secara bersama. Aktiviti ini mencerminkan amalan nilai murni masyarakat yang bukan sahaja menyumbang kepada pencapaian matlamat fizikal, malah turut mempererat hubungan sosial dalam komuniti setempat.



Lawatan Ke Bandaraya Miri 13-16 September 2026



Perkumpulan Kampung Sikog, Serian telah mengadakan lawatan ke Bandaraya Miri bagi meningkatkan pengetahuan dan pemahaman ahli-ahli tentang sejarah, budaya, ekonomi serta pembangunan di Miri.



Kelas Asas Penampilan Diri 20 Mei 2026 Bilik Seminar PPWS, Kuching

Kelas Asas Penampilan Diri (Grooming) yang dianjurkan oleh Perkumpulan Green bertujuan memupuk kesedaran tentang kepentingan penjagaan imej diri serta membina keyakinan diri melalui pemantapan penampilan dan etiket sosial. Program ini turut melengkapkan peserta dengan kemahiran penting untuk tampil lebih profesional, berkeyakinan dan berkarisma dalam pelbagai situasi, sama ada dalam kehidupan seharian mahupun dalam konteks sosial dan kerjaya.

Mesyuarat Perjumpaan Tahunan PPWS



Mesyuarat Perjumpaan Tahunan PPWS Daerah Sri Aman Tahun 2026 telah diadakan di Bilik Mesyuarat PPWS Bahagian Sri Aman pada 17 Januari 2026. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Pengerusi Daerah Sri Aman, Puan Dyg Megeret binti Abg Hamid. Tujuan mesyuarat ini adalah untuk menjadi platform perbincangan mengenai isu, cadangan serta penambahbaikan berkaitan hala tuju PPWS. Selain itu, mesyuarat turut membentangkan dan mengesahkan Laporan Aktiviti serta Laporan Kewangan bagi tahun 202



Mesyuarat Perjumpaan Tahunan PPWS Daerah Saratok Tahun 2026 telah diadakan di Anjung Madani, Surau Darul Iman Kpg Melango Baru Saratok pada 18 Januari 2026. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Pengerusi Daerah Saratok, Puan Hajah Razenah Binti Sapawi. Tujuan mesyuarat ini adalah untuk menjadi platform perbincangan mengenai isu, cadangan serta penambahbaikan berkaitan hala tuju PPWS. Selain itu, mesyuarat turut membentangkan dan mengesahkan Laporan Aktiviti serta Laporan Kewangan bagi tahun 2025.



Mesyuarat Perjumpaan Tahunan PPWS Bahagian Sri Aman Tahun 2026 telah diadakan di Bilik Mesyuarat PPWS Cawangan Sri Aman pada 25 Januari 2026. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Pengerusi Cawangan Sri Aman, Puan Lela binti Ain. Turut hadir dalam mesyuarat tersebut ialah Puan Hajah Hamdiah binti Haji Mat dan Puan Hajah Masnah binti Haji Ramli selaku Exco PPWS Cawangan Sri Aman. Tujuan mesyuarat ini adalah untuk menjadi platform perbincangan mengenai isu, cadangan serta penambahbaikan berkaitan hala tuju PPWS. Selain itu, mesyuarat turut membentangkan dan mengesahkan Laporan Aktiviti serta Laporan Kewangan bagi tahun 2025

**Penyertaan Peserta Dari PPWS Bahagian Sri Aman Dalam
Pesta Bubur Pedas anjuran KOPERWANIS
10 Januari 2026**



Pertandingan Mumbu Bubur Pedas dan Pertandingan Masakan Tradisi Berasaskan Bubur Pedas anjuran KOPERWANIS telah berlangsung kelmarin di Bangunan Koperasi Perkumpulan Wanita Sarawak Berhad (KOPERWANIS), Metrocity Matang. Program ini telah dirasmikan oleh isteri kepada Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Toh Puan Datuk Patinggi Fauziah Mohd Sanusi. Puan Sharifah Nafisah binti Wan Akil dari PPWS Perkumpulan Kampung Tengah Maludam telah muncul sebagai johan pertandingan Mumbu Bubur Pedas, manakala Puan Ramlah binti Ismail dari PPWS Perkumpulan Kampung Sessang telah menerima saguhati.

**Program Sauk Gudi dan Sauk Ngail
16- 18 Januari 2026**



Program Sauk Gudi dan Sauk Ngail telah dianjurkan oleh PJM dengan kerjasama JKK, KRT, PPWS Perkumpulan Kampung Alit, serta Belia dan Pemuda Kampung Alit di Pantai Kampung Alit. Seramai 12 orang ahli telah menyertai program tersebut. Tujuan program ini adalah untuk mempromosikan Pantai Kampung Alit sebagai destinasi eko-pelancongan.

**Program Sambutan Bulan Kesedaran Kanser Serviks Kebangsaan Tahun 2026
25 Januari 2026**



PPWS Bahagian Sri Aman telah menyertai Program Sambutan Bulan Kesedaran Kanser Serviks Kebangsaan Tahun 2026 yang diadakan di Dewan Suarah Sri Aman. Seramai 17 orang ahli telah mengambil bahagian dalam program tersebut. Program ini telah dirasmikan oleh YBhg Dato Sri Rohani Abdul Karim, Pengerusi Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN). Tujuan program ini adalah untuk meningkatkan tahap kesedaran dalam kalangan wanita mengenai kanser serviks, termasuk punca, simptom awal dan faktor risiko. Program ini juga memberi pendedahan tentang kepentingan saringan awal seperti ujian Pap Smear dan HPV bagi pengesanan awal kanser serviks.



YBhg. Dato Sri Rohani Abdul Karim, Pengerusi Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah menyerahkan simbolik penghargaan kepada Puan Lela binti Ain, selaku Pengerusi Bahagian Sri Aman. Penghargaan tersebut diberikan atas kerjasama erat daripada LPPKN Negeri Sarawak dan beliau turut dipilih menjadi Duta Etnik mewakili PPWS Bahagian Sri Aman sempena sambutan berkenaan.

Program Gotong Royong



Perkumpulan Kampung Sessang telah mengadakan program gotong-royong membersihkan kediaman mangsa kebakaran, Encik Raini bin Peli pada 24 Januari 2026. Program ini dianjurkan bersama oleh JKKK, KRT, Kospen, PPWS, JPAM, RELA, ATM dan Veteran Askar. Seramai 100 orang telah menghadiri program tersebut. Tujuan program ini diadakan adalah untuk meringankan beban mangsa kebakaran serta memupuk semangat kerjasama dan keprihatinan dalam kalangan masyarakat.



PPWS Perkumpulan Pusa telah menyertai Gotong-Royong Perdana di Masjid Rahmania Pusa yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Masjid Rahmania Pusa pada 4 Februari 2026. Seramai lapan orang ahli telah mengambil bahagian dalam program tersebut. Tujuan program ini diadakan adalah untuk menggalakkan penglibatan aktif PPWS Perkumpulan Pusa dalam kerja-kerja kebajikan dan khidmat masyarakat, serta memperkukuh hubungan silaturahim antara PPWS Perkumpulan Pusa, Jawatankuasa Masjid, dan penduduk setempat.



Perkumpulan Kampung Baru Kabong, Kampung Hilir Kabong dan Kampung Muroh telah mengadakan Program Gotong-Royong membersihkan Tanah Perkuburan Islam Kabong pada 8 Februari 2026. Program ini telah disertai oleh 38 orang ahli. Tujuan program ini diadakan adalah untuk menjaga kebersihan kawasan perkuburan, memupuk semangat kerjasama, serta mengeratkan silaturahim dalam kalangan masyarakat setempat



Mesyuarat Jawatankuasa dan Sesi Serah Tugas diadakan pada 18 Februari 2025 Perkumpulan Nyabor A di Masjid Lama Tok Amal Kampung Nyabor. Mesyuarat tersebut telah dihadiri oleh Puan Sayang Salim, Timbalan Pengerusi Daerah Saratok Sesi 2025-2026.



Perkumpulan Kampung Hilir telah mengadakan program gotong-royong di Surau Kebahagiaan, Kampung Hilir, Sri Aman pada 17 Februari 2026. Seramai 30 orang ahli telah menyertai program tersebut. Tujuan program ini diadakan adalah untuk meningkatkan kebersihan kawasan surau, mengeratkan hubungan silaturahim antara ahli, memupuk semangat kerjasama, serta menanamkan rasa tanggungjawab terhadap kemudahan awam.



Perkumpulan Kampung Alit telah menyertai Program Gotong-Royong yang dianjurkan bersama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), Kawasan Rukun Tetangga (KRT), serta Jawatankuasa Pengurusan Kampung (JKP) bertempat di Masjid Assasul Islam, Kampung Alit pada 17 Februari 2026. Seramai 8 orang ahli telah menyertai program tersebut. Tujuan program ini diadakan adalah untuk meningkatkan kebersihan kawasan masjid serta menanamkan rasa tanggungjawab terhadap kemudahan awam.



Perkumpulan Kampung Melango Lama, Kampung Melango Baru, Kampung Bunga Raya dan Kampung Hulu Saratok telah menyertai Program Gotong-Royong Perdana yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Masjid Al-Muhtadin Saratok, bertempat di Masjid Al-Muhtadin Saratok pada 12 Februari 2026. Program ini turut disertai oleh beberapa persatuan lain serta GiatMara Saratok. Tujuan program ini diadakan adalah untuk memupuk semangat kerjasama, meningkatkan kebersihan kawasan masjid, serta mengeratkan silaturahim dalam kalangan masyarakat setempat.



Perkumpulan Kampung Hilir Beladin telah mengadakan program gotong-royong di Masjid AL-Amin Beladin pada 17 Februari 2026. Seramai 20 orang ahli telah menyertai program tersebut. Tujuan program ini diadakan adalah untuk meningkatkan kebersihan kawasan surau, mengeratkan hubungan silaturahim antara ahli, memupuk semangat kerjasama, serta menanamkan rasa tanggungjawab terhadap kemudahan awam.

Program Kesedaran Pemuliharaan dan Inovasi Lestari Orkid 26 Januari 2026



PPWS Bahagian dan Daerah Sri Aman telah menghadiri Program Kesedaran Pemuliharaan dan Inovasi Lestari Orkid Peringkat Bahagian Sri Aman yang dianjurkan oleh Sri Aman Development Agency (SADA) dan Sarawak Orchid Society (SARORSO) bertempat di Bilik Mesyuarat Utama Wisma SADA. Program ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim, Pengerusi Sri Aman Development Agency. Seramai 12 orang ahli telah menghadiri program tersebut. Tujuan program ini diadakan adalah untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan pemuliharaan orkid asli Sarawak sebagai khazanah biodiversiti negeri.

Program Family Management Course (FaMaC) 28 Januari 2026



PPWS Bahagian Sri Aman telah menghadiri Program Family Management Course (FaMaC) Siri 1/2026 anjuran Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak (JWKS) yang berlangsung di Hotel Seri Simanggang. Seramai lapan orang ahli telah menyertai program tersebut. Majlis penangguhan program FaMaC telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Puan Dayang Noorazah Binti Haji Awang Sohor, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) N28 Lingga. Tujuan program ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan memberi pendedahan mengenai pengurusan kewangan, di samping memperkukuh kesedaran ibu bapa terhadap isu buli dalam kalangan remaja.

Majlis Makan Malam Awal Tahun 31 Januari 2026



PPWS Cawangan Sri Aman, Daerah Sri Aman dan Perkumpulan Kampung Hilir telah menghadiri Majlis Makan Malam Awal Tahun anjuran Biro Kemasyarakatan dan Sosial Wanita Lingga yang bertemakan Bollywood Night. Majlis tersebut telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Datuk Hajah Sharifah Hasidah binti Sayeed Aman Ghazali, Timbalan Menteri di Jabatan Premier Sarawak (Undang-Undang, MA63 dan Hubungan Negeri-Persekutuan) merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri N.7 Samariang. Tujuan majlis makan malam ini diadakan adalah untuk mengukuhkan silaturahim, memupuk semangat kebersamaan, serta meraikan permulaan tahun baharu dengan penuh keceriaan dan kebudayaan.

Ceramah Israk dan Mikraj 25 Januari 2026



Perkumpulan Kampung Hilir Beladin telah menghadiri Ceramah Israk dan Mikraj yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Masjid Al-Amin Beladin bertempat di Masjid Al Amin Beladin. Seramai 6 orang ahli telah mengikuti ceramah tersebut. Ceramah disampaikan oleh Ustaz Haji Mual bin Haji Saud, Pengarah Jabatan Agama Sarawak. Tujuan ceramah ini diadakan adalah untuk meningkatkan kefahaman dan penghayatan masyarakat terhadap peristiwa Israk dan Mikraj.

Program Sambutan Malam Nisfu Sya'ban 2 Februari 2026



Program Sambutan Malam Nisfu Sya'ban telah dianjurkan oleh Jawatankuasa Surau Riadhus Salihin dengan kerjasama PPWS Perkumpulan Kampung Pangkat. Program ini berlangsung di Surau Riadhus Salihin, Kampung Pangkat dan telah disertai oleh seramai 20 orang ahli. Tujuan program ini diadakan adalah untuk mengimarahkan malam Nisfu Sya'ban dengan amalan ibadah, meningkatkan kefahaman agama melalui pengisian rohani, serta mengeratkan ukhuwah dalam kalangan ahli dan masyarakat setempat.

Program Bakul Makanan Sempena Tahun Baru Cina 4 Februari 2026



Perkumpulan Simanggang Town telah mengadakan Program Bakul Makanan bersama PDK Sri Aman sempena sambutan Tahun Baru Cina di Kompleks Penyayang Sri Aman. Seramai 18 orang ahli telah menyertai program tersebut. Tujuan program ini diadakan adalah untuk menghulurkan bantuan kebajikan kepada PDK Sri Aman di samping memupuk semangat prihatin, menggalakkan penglibatan aktif ahli PPWS dalam kerja-kerja kemasyarakatan.

Kunjungan Ke Pejabat Daerah Pusa 10 Februari 2026



Kunjungan hormat oleh Perkumpulan Pusa bersama Pegawai Daerah Pusa, Tuan Hamdan Bin Katang, telah diadakan di Pejabat Daerah Pusa. Seramai enam orang ahli telah terlibat dalam kunjungan tersebut. Tujuan kunjungan ini diadakan adalah untuk menjalin hubungan baik serta memperkukuhkan kerjasama.

Program E-Usahawan: Jom Jana Pendapatan Pasif Secara Digital 11 Februari 2026



PPWS Bahagian Sri Aman telah menghadiri Program E-Usahawan: Jom Jana Pendapatan Pasif Secara Digital yang dianjurkan oleh SDEC dengan kerjasama MindAppz. Seramai 11 orang ahli telah menyertai program tersebut. Tujuan program ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan mengenai peluang menjana pendapatan pasif melalui platform digital, meningkatkan pengetahuan serta kemahiran peserta dalam bidang keusahawanan digital, dan menggalakkan penggunaan teknologi sebagai medium perniagaan.

Sambutan Hari Warga Emas dan Seminar Citra Minda 14 Februari 2026



Perkumpulan Simanggang Town telah menghadiri Sambutan Hari Warga Emas dan Seminar Citra Minda anjuran PAWE Sri Aman bertempat di Dewan Suarah Sri Aman. Seramai lapan orang ahli telah menyertai program tersebut. Majlis telah dirasmikan oleh Puan Sharifah Mordiah binti Syed Ali, Pegawai Kebajikan Masyarakat Bahagian Sri Aman. Tujuan program ini diadakan adalah untuk meraikan warga emas, menghargai sumbangan mereka kepada masyarakat, meningkatkan kesedaran tentang kesejahteraan sosial, memupuk semangat inklusif agar warga emas terus merasa dihargai, serta memberi pendedahan minda dan ilmu melalui seminar yang dijalankan.

Program Tahlil Perdana Ambang Ramadan 17 Februari 2026



Perkumpulan Kampung Muroh telah mengadakan Program Tahlil Perdana Ambang Ramadan di kediaman Puan Hajah Masni. Seramai 18 orang ahli telah menyertai program tersebut. Tujuan program ini diadakan adalah untuk memupuk nilai perpaduan dan kerjasama, serta meningkatkan kesedaran terhadap amalan sunnah sebelum dan sepanjang bulan Ramadan.

Aktiviti Agihan Bubur Sempena Bulan Ramadan



Program Bubur Lambuk Madani telah dianjurkan oleh KRT Kampung Baru Hilir dan JKKK Kampung Haji Undom dengan kerjasama PPWS Perkumpulan Kampung Hilir serta RELA Sri Aman pada 13 Februari 2026. Program ini turut mendapat sokongan daripada Surau Kebahagiaan Kampung Hilir, Sri Aman yang menjadi lokasi dan pusat aktiviti. Majlis telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Tuan Mahra Salleh, Residen Bahagian Sri Aman. Tujuan program ini diadakan adalah untuk mengeratkan silaturahmi antara penduduk kampung, memupuk semangat gotong-royong, serta menyemarakkan amalan bersedekah dan berkongsi rezeki dalam bulan Ramadan.



Program agihan bubur pedas telah dianjurkan oleh Perkumpulan Kampung Baru Betong dengan kerjasama Biro Wanita JKKK Kampung Baru Betong bertempat di perkarangan Surau Darul Taqwa Kampung Baru Hulu Betong pada 22 Februari 2026. Seramai 12 orang ahli telah menyertai program tersebut sebagai tanda sokongan terhadap aktiviti kebajikan yang dijalankan. Tujuan program ini diadakan adalah untuk memberi peluang kepada ahli untuk berbakti kepada komuniti, memperkukuh kerjasama antara perkumpulan dan JKKK, serta menyemai rasa tanggungjawab sosial di kalangan ahli PPWS.



Program agihan bubur pedas telah dianjurkan oleh Perkumpulan Kampung Baru Betong dengan kerjasama Biro Wanita JKKK Kampung Baru Betong bertempat di perkarangan Surau Darul Taqwa Kampung Baru Hulu Betong pada 22 Februari 2026. Seramai 12 orang ahli telah menyertai program tersebut sebagai tanda sokongan terhadap aktiviti kebajikan yang dijalankan. Tujuan program ini diadakan adalah untuk memberi peluang kepada ahli untuk berbakti kepada komuniti, memperkukuh kerjasama antara perkumpulan dan JKKK, serta menyemai rasa tanggungjawab sosial di kalangan ahli PPWS.



Perkumpulan Kampung Sessang telah mengadakan program agihan bubur pedas dan kurma bertempat di Masjid Ar Rahman Kampung Sessang. Seramai 35 orang ahli telah menyertai program tersebut sebagai tanda sokongan dan komitmen terhadap aktiviti kebajikan yang dijalankan oleh perkumpulan. Tujuan program ini diadakan adalah untuk mengeratkan silaturahmi antara ahli dan penduduk kampung, memupuk semangat kebersamaan, meraikan keberkatan bulan Ramadan serta menggalakkan amalan bersedekah dalam kalangan masyarakat.



Program Agihan Bubur Lambuk anjuran bersama Perkumpulan Kampung Tengah Betong, KRT Kampung Tengah, dan JKP Surau Darul Dakwah telah diadakan di Surau Darul Dakwah, Kampung Tengah Betong pada 28 Februari 2026. Seramai 25 orang ahli hadir serta bergotong-royong membantu dalam pengagihan bubur lambuk tersebut. Majlis ini telah dirasmikan oleh Encik Kon @ Sapawi Bin Yahu, Penghulu Kampung Tengah Betong. Program ini diadakan bertujuan untuk mengeratkan silaturahmi dalam kalangan penduduk kampung serta memupuk semangat kerjasama dan kebersamaan.



Program Agihan Bubur Lambuk telah dianjurkan oleh Perkumpulan Kampung Baru Betong dengan kerjasama Biro Wanita JKKK serta Penggerak Surau Darul Taqwa. Program ini telah berlangsung di perkarangan Surau Darul Taqwa, Kampung Baru Hulu Betong pada 5 Mac 2026. Seramai 15 orang ahli telah terlibat dalam menjayakan program tersebut. Tujuan program ini diadakan adalah untuk mengeratkan silaturahmi dalam kalangan penduduk kampung, memupuk semangat kerjasama, serta menghidupkan tradisi masyarakat melalui pengagihan bubur lambuk.

Program Agihan Bubur Pedas telah dianjurkan oleh Pejabat Daerah Pusa dengan kerjasama Perkumpulan Pusa, Pawe Pusa, dan Perkim Pusa bertempat di perkarangan Pejabat Daerah Pusa pada 6 Mac 2026. Seramai 15 orang ahli telah terlibat dalam menjayakan program tersebut. Majlis ini telah dirasmikan oleh Tuan Hamdan Bin Katang, Pegawai Daerah Pusa. Tujuan program ini diadakan adalah untuk mengeratkan silaturahmi dalam kalangan masyarakat, memupuk semangat kerjasama antara NGO serta menghidupkan tradisi penyediaan bubur pedas sebagai simbol kebersamaan komuniti setempat.

Rumah Terbuka Tahun Baru Cina 18 Februari 2026



Perkumpulan Simanggang Town telah menghadiri Rumah Terbuka Tahun Baru Cina yang dianjurkan oleh Mdm Koh, Pengerusi Perkumpulan Simanggang Town. Seramai 13 orang ahli telah turut serta dalam kunjungan tersebut. Tujuan program ini adalah untuk mengeratkan silaturahim, meraikan kepelbagaian budaya, memupuk semangat perpaduan serta mewujudkan suasana mesra dan harmoni.

Program Ziarah Prihatin 28 Februari 2026



Program Ziarah Prihatin: Menyampaikan Sumbangan kepada Pesakit telah dianjurkan oleh PPWS Daerah Saratok dengan kerjasama Ahli Lembaga Pelawat bertempat di Hospital Saratok. Seramai 10 orang ahli telah turut serta dalam program tersebut. Majlis ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Haji Mohamad bin Duri, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) N38 Kalaka. Program ini bertujuan untuk menziarahi pesakit yang sedang menerima rawatan, di samping menyampaikan sumbangan sebagai tanda keprihatinan, sokongan moral, dan semangat kebersamaan antara masyarakat dengan pihak hospital.

Program Hari Wanita Antarabangsa 8 Mac 2026



Program Hari Wanita Antarabangsa dan Sambutan Hari Jadi telah dianjurkan oleh Perkumpulan Kampung Pasir Panas dan bertempat di Culture Centre Sri Aman. Seramai 16 orang ahli telah hadir serta meraikan program tersebut. Tujuan program ini diadakan adalah untuk menghargai peranan dan sumbangan wanita dalam masyarakat, mengeratkan silaturahim antara ahli, serta memupuk semangat kebersamaan melalui sambutan yang penuh makna.

Program Khatam Al-Quran



Program Khatam Tadarus Al-Quran telah dianjurkan oleh Perkumpulan Kampung Melango Baru bertempat di Surau Darul Iman, Kampung Melango Baru, Saratok pada 17 Mac 2026. Seramai 11 orang ahli telah mengikuti program tersebut. Tujuan program ini diadakan adalah untuk mengukuhkan kefahaman agama dalam kalangan ahli, mengeratkan silaturahim sesama komuniti, serta mengimarahkan surau sempena Bulan Ramadhan.



Program Khatam Al-Quran telah dianjurkan oleh Perkumpulan Kampung Nyabor A di Masjid Lama Tok Amal Kampung Nyabor pada 12 Mac 2026. Seramai 20 orang ahli telah terlibat dalam menjayakan program tersebut. Tujuan program ini diadakan adalah untuk mengukuhkan kefahaman agama dalam kalangan ahli, mengeratkan silaturahim sesama komuniti, serta memupuk semangat kebersamaan melalui amalan membaca Al-Quran secara beramai-ramai.

Majlis Berbuka Puasa 10 Mac 2026



PPWS Bahagian Sri Aman telah menghadiri Majlis Berbuka Puasa anjuran Sri Aman Development Agency (SADA) yang bertempat di Tandang Sari Avenue. Majlis ini telah dirasmikan oleh Yang Berbahagia Dato Sri Hajah Rohani Binti Haji Abdul Karim, Pengerusi Sri Aman Development Agency (SADA). Tujuan program ini diadakan adalah untuk mengeratkan silaturahim, memperkukuh hubungan antara agensi dan masyarakat setempat, serta mengimarahkan bulan puasa dengan aktiviti kebersamaan.

Majlis Makan Malam Sempena Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 16 Mac 2026



Perkumpulan Simanggang Town telah mengadakan Majlis Makan Malam Sempena Sambutan Hari Wanita Antarabangsa Tahun 2026 dengan kerjasama Persatuan Teochew Wanita Bahagian Sri Aman. Program ini telah berlangsung di Chuan Hong Restoran dan telah disertai oleh seramai 20 orang ahli. Tujuan program ini diadakan adalah untuk meraikan sumbangan dan pencapaian wanita dalam masyarakat, mengukuhkan hubungan silaturahim antara ahli perkumpulan dan persatuan, serta memberi inspirasi kepada generasi muda agar menghargai peranan wanita dalam pembangunan komuniti dan menjadikan sambutan Hari Wanita Antarabangsa sebagai wadah memperkukuh perpaduan.

Mesyuarat Perancangan Aktiviti 25 April 2026



Mesyuarat Perancangan Aktiviti anjuran Jawatankuasa PPWS Cawangan Sri Aman bertempat di Bilik Mesyuarat PPWS Sri Aman. Seramai 15 orang ahli telah menghadiri mesyuarat tersebut, dan mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Puan Lela Binti Ain, Pengerusi PPWS Cawangan Sri Aman. Tujuan program ini diadakan adalah untuk membincangkan perancangan aktiviti tahunan, menyusun jadual pelaksanaan program, serta membahagikan tugas dan tanggungjawab kepada ahli jawatankuasa. Mesyuarat ini turut menjadi platform untuk berkongsi idea baharu, menilai keberkesanan aktiviti yang telah dijalankan, dan merangka strategi bagi meningkatkan penyertaan masyarakat setempat.

Bengkel Literasi Digital PanDei 2026 28-29 April 2026



Perkumpulan Pusa telah menyertai Bengkel Literasi Digital PanDei 2026 anjuran Pustaka Negeri Sarawak yang berlangsung di Dewan Teratak Akal, Pusa dengan penyertaan seramai lapan (8) orang ahli. Bengkel ini bertujuan memperkasa kemahiran digital dalam kalangan peserta serta meningkatkan kesedaran terhadap aspek keselamatan siber dalam era teknologi maklumat. Program ini turut menyokong usaha melahirkan masyarakat yang lebih celik digital dan berdaya saing.

Program Beranyi dan Berambek Makan 3 Mei 2026



Program Beranyi dan Berambek Makan telah dianjurkan oleh Perkumpulan Kampung Melango Baru dengan kerjasama Kampung Bunga Raya, Saratok. Program ini diadakan di sawah padi milik Puan Darna Majeni dan disertai oleh 13 orang ahli. Antara objektif program ini adalah untuk mengeratkan hubungan silaturahim, memupuk semangat gotong-royong serta memberi pengalaman baharu kepada ahli, khususnya yang belum pernah menjalankan aktiviti menuai padi (beranyi).

Majlis Makan Malam Bertemakan Sarung Kebaya dan Batik 9 Mei 2026



Majlis ini dianjurkan oleh Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) Sri Aman dan turut dihadiri oleh PPWS Cawangan Sri Aman. Ia telah berlangsung di Ballroom, Hotel Seri Simanggang. Penganjuran majlis ini bertujuan memartabatkan warisan budaya melalui pemakaian kebaya dan batik, di samping mengeratkan hubungan silaturahim antara warga emas dan komuniti setempat.

Majlis Ramah Tamah Aidilfitri



Perkumpulan Kampung Pusa telah menghadiri Majlis Ramah Tamah Aidilfitri anjuran Pejabat Daerah Pusa yang bertempat di Dataran Pejabat Daerah Pusa pada 1 April 2026. Seramai 8 orang ahli telah menghadiri majlis tersebut. Tujuan program ini diadakan adalah untuk meraikan kemeriahan Aidilfitri bersama komuniti setempat, mengeratkan hubungan silaturahim antara warga kampung dan pihak pejabat daerah, serta memperkukuh kerjasama antara perkumpulan dan pihak berkuasa tempatan.



Perkumpulan Kampung Sungai Endot, Kampung Hilir, Kampung Baru, Kampung Alit dan Kampung Muroh telah menghadiri Majlis Berambéh Berami Aidilfitri anjuran Alumni SKAL dengan kerjasama Pusat Khidmat dan NGO Kabong pada 4 April 2026. Program ini telah berlangsung di Pusat Penjaja Kabong dan telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato' Mohd Chee Bin Kadir, ADUN N40 Kabong. Tujuan program ini diadakan adalah untuk meraikan kemeriahan Aidilfitri bersama komuniti setempat, mengeratkan hubungan silaturahim antara alumni, perkumpulan kampung dan pihak NGO, serta memberi ruang kepada ahli untuk berinteraksi serta saling mengenali dalam suasana perayaan.



Program Warna-Warni Hari Raya telah dianjurkan oleh gabungan empat perkumpulan iaitu Perkumpulan Kampung Melango Baru, Kampung Melango Lama, Kampung Hulu dan Kampung Bunga Raya pada 3 April 2026. Program ini telah berlangsung di perkarangan rumah Puan Normi binti Asenan dan telah disertai oleh seramai 30 orang ahli. Tujuan program ini diadakan adalah untuk meraikan kemeriahan sambutan Hari Raya bersama komuniti, mengeratkan hubungan silaturahim antara ahli perkumpulan, serta memupuk semangat kebersamaan kepada ahli untuk saling berinteraksi dalam suasana harmoni dan mesra.



Majlis Ramah Tamah Aidilfitri telah dianjurkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Masjid Lama dengan kerjasama Perkumpulan Nyabor A, bertempat di Masjid Lama Tok Amal Kampung Nyabor pada 6 April 2026. Majlis ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato' Mohd Chee Bin Kadir, ADUN N40 Kabong. Tujuan majlis ini diadakan adalah untuk meraikan kemeriahan Aidilfitri bersama komuniti setempat, mengeratkan hubungan silaturahim antara ahli perkumpulan dan masyarakat kampung, serta memupuk semangat kebersamaan dalam suasana penuh mesra dan harmoni.



Perkumpulan Kampung Sungai Endot, Kampung Hilir, Kampung Baru, Kampung Alit dan Kampung Muroh telah menghadiri Majlis Berambéh Berami Aidilfitri anjuran Alumni SKAL dengan kerjasama Pusat Khidmat dan NGO Kabong pada 4 April 2026. Program ini telah berlangsung di Pusat Penjaja Kabong dan telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato' Mohd Chee Bin Kadir, ADUN N40 Kabong. Tujuan program ini diadakan adalah untuk meraikan kemeriahan Aidilfitri bersama komuniti setempat, mengeratkan hubungan silaturahim antara alumni, perkumpulan kampung dan pihak NGO, serta memberi ruang kepada ahli untuk berinteraksi serta saling mengenali dalam suasana perayaan.



Program Santai Raya telah dianjurkan oleh Perkumpulan Zon Kabong bertempat di Dewan Terbuka Tanjung Kembang Kabong pada 10 April 2026. Majlis ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato' Mohd Chee Bin Kadir, ADUN N40 Kabong. Tujuan majlis ini diadakan adalah untuk mengeratkan hubungan silaturahim antara penduduk setempat, meraikan suasana Hari Raya dalam suasana santai dan mesra, serta memupuk semangat kebersamaan antara masyarakat dengan kepimpinan tempatan.



Majlis Juh Kito Rayo Bersamo anjuran JKKK Kampung Alit dengan kerjasama PPWS, KRT, Masjid Baru dan Masjid Lama Kampung Alit telah diadakan di Perkarangan Rumah KK Mazlan pada 17 April 2026. Tujuan majlis ini diadakan adalah untuk menyemarakkan budaya dan tradisi masyarakat melalui aktiviti ramah tamah, meningkatkan kesedaran komuniti tentang pentingnya perpaduan, membina jaringan kerjasama antara organisasi kampung, serta menggalakkan penyertaan belia agar generasi muda turut aktif dalam aktiviti kemasyarakatan.



Majlis Ramah Tamah Aidilfitri anjuran Perkumpulan Kampung Hilir Beladin bertempat di Kampung Beladin pada 17 April 2026. Seramai 24 orang ahli telah mengikuti majlis tersebut. Tujuan majlis ini diadakan adalah untuk mengeratkan hubungan silaturahim antara ahli dan masyarakat setempat, meraikan suasana Aidilfitri dalam suasana penuh mesra, serta memupuk semangat kebersamaan bersama ahli perkumpulan.



Majlis Penutup Syawal anjuran Perkumpulan Kampung Hilir bertempat di perkarangan rumah Puan Hajah Jamayah pada 21 April 2026. Majlis ini telah dirasmikan oleh Encik Zikri Haizan, Pegawai di Jabatan Perpaduan Sri Aman. Majlis ini juga diserikan lagi dengan kehadiran KK Encik Jimi Haji Peri, Puan Dyg Noor Ruzaliny Awg Jamain, Pengelola PPWS Cawangan Sri Aman dan Puan Yati Morshidi, Bendahari PPWS Cawangan Sri Aman. Tujuan majlis ini diadakan adalah untuk mengukuhkan hubungan silaturahim antara penduduk kampung, mengakhiri bulan Syawal dengan penuh kesyukuran, serta memberi ruang kepada ahli ppws untuk berkumpul dan beramah mesra.

Program Santai Sempena Hari Ibu 10 Mei 2026



Perkumpulan Kampung Baru Betong telah menganjurkan program santai yang merangkumi aktiviti brisk walk serta pemetongan pulut kuning sempena sambutan Hari Ibu. Program ini diadakan di kawasan waterfront dan perkarangan rumah Pengerusi dengan penyertaan tujuh (7) orang ahli.

Sambutan Hari Ibu 10 Mei 2026



Mesyuarat Suku Tahun Kedua dan Sambutan Hari Ibu anjuran Perkumpulan Kampung Melango Lama, Kampung Melango Baru, Kampung Hulu dan Kampung Bunga Raya telah diadakan di kediaman Puan Dyg Asmah dengan kehadiran seramai 25 orang ahli. Program ini bertujuan untuk menghargai jasa para ibu serta mengukuhkan silaturahim komuniti, di samping menyedarkan masyarakat bahawa peranan ibu amat penting dalam institusi keluarga dan pembangunan masyarakat.

Program K.A.W.A.N 15 Mei 2026



Program K.A.W.A.N anjuran Jabatan Komunikasi Komuniti (JKOM) Zon Sarawak telah diadakan di Dewan Pejabat Daerah Saratok dengan penyertaan seramai 20 orang ahli daripada beberapa perkumpulan. Program ini bertujuan menyampaikan maklumat dasar kerajaan secara tepat serta mewujudkan jaringan komunikasi dua hala yang lebih sistematik dan berkesan antara komuniti dan pihak kerajaan.

Sambutan Hari PPWS dan Sambutan Hari Ibu 16 Mei 2026



Sambutan ini telah dianjurkan oleh Perkumpulan Pusa di Dewan Teratak Akal dengan kehadiran seramai 35 orang peserta. Antara objektif program adalah untuk menghargai peranan wanita dalam pembangunan keluarga dan masyarakat, mengukuhkan silaturahim dalam kalangan ahli dan komuniti, serta meningkatkan kesedaran tentang kepentingan institusi kekeluargaan. Program ini juga menggalakkan penglibatan golongan belia dalam aktiviti kemasyarakatan.

Fun Walk For Health 16 Mei 2026



Program Fun Walk For Health sempena Hari Ibu telah dianjurkan oleh Perkumpulan Kampung Hulu Saratok dengan penyertaan bersama beberapa perkumpulan lain, melibatkan seramai 30 orang peserta. Program ini bertujuan memupuk amalan gaya hidup sihat melalui aktiviti berjalan kaki, di samping menghargai peranan ibu sebagai tunjang keluarga serta mengeratkan hubungan dalam komuniti.

Ziarah Prihatin 23 Mei 2026



Program Ziarah Prihatin telah diadakan di kediaman Puan Sindong Damu, Ahli Jawatankuasa PPWS Cawangan Sri Aman yang sedang berduka atas pemergian anaknya. Program ini bertujuan menyampaikan ucapan takziah, memberi sokongan moral serta memperkukuhkan semangat kebersamaan dan keprihatinan dalam kalangan ahli.

Lawatan Ke Wad Bersalin Sempena Hari Ibu 23 Mei 2026



Program ini dianjurkan oleh PPWS Cawangan Sri Aman di Hospital Sri Aman II dengan penyertaan 15 orang ahli. Lawatan ini bertujuan memberi sokongan moral kepada para ibu yang sedang menerima rawatan, di samping mengeratkan silaturahim dan menzahirkan keprihatinan terhadap masyarakat. Sumbangan turut disampaikan kepada pesakit sebagai tanda sokongan dan kasih sayang.



Puan Lela binti Ain, Pengerusi PPWS Cawangan Sri Aman, bersama Jawatankuasa PPWS Cawangan Sri Aman telah menyerahkan sumbangan kepada salah seorang pesakit di Wad Bersalin.

Majlis Makan Malam Pertandingan Peragaan Cheongsam dan Tarian Berkumpulan 14 Jun 2026



Perkumpulan Simanggang Town telah menghadiri Majlis Makan Malam Pertandingan Peragaan Cheongsam dan Tarian Berkumpulan anjuran Biro Wanita dan Pemuda Persatuan Foochow Sri Aman yang bertempat di Restoran Golden City. Seramai 23 orang ahli telah menyertai program tersebut. Tujuan program ini adalah untuk memberi peluang kepada wanita menunjukkan bakat dan kebolehan serta mengeratkan silaturahim dengan komuniti setempat.

Sambutan Hari PPWS dan Hari Ibu 23 Mei 2026



Sambutan Hari PPWS dan Hari Ibu anjuran PPWS Bahagian Sri Aman di Yitery Sri Aman dan telah disertai 15 orang ahli. Antara objektif program ini ialah memperingati dan meraikan sambutan Hari PPWS sebagai tanda penghargaan terhadap peranan persatuan kepada masyarakat dan menghargai jasa dan pengorbanan Ibu sempena sambutan Hari Ibu.

Majlis Rumah Terbuka Hari Gawai Tahun 2026 1 Jun 2026



Perkumpulan Simanggang Town telah menghadiri Jemputan Majlis Rumah Terbuka Hari Gawai Tahun 2026 di kediaman Yang Berhormat Datuk Francis Harden Anak Hollis, Timbalan Menteri Pembangunan Bakat Sarawak (MEITD) merangkap ADUN N32 Simanggang. Seramai 9 orang ahli telah menghadiri majlis tersebut. Antara objektif majlis ini ialah untuk mengukuhkan hubungan silaturahim, menyemarakkan semangat kebersamaan melalui sambutan perayaan tradisi dan menghargai budaya dan warisan.

Ngabang Gawai 2 Jun 2026



Program Ngabang Gawai telah dianjurkan di Rumah Panjang Tenggalat, Saratok dengan penyertaan seramai 30 orang ahli. Program ini bertujuan mengeratkan hubungan silaturahim antara ahli dan masyarakat setempat, di samping menyemai sikap saling menghormati serta menghargai kepelbagaian budaya.

Bengkel Asas Artificial Intelligence (AI) dan Bengkel Asas Microsoft Excel 13 Jun 2026



Bengkel ini dianjurkan oleh PPWS Cawangan Sri Aman dengan kerjasama NADI Kampung Baru Hilir dan disertai oleh 25 orang ahli. Program ini bertujuan memberi pendedahan asas mengenai penggunaan teknologi Artificial Intelligence (AI) dan aplikasi Microsoft Excel, sekaligus meningkatkan kemahiran digital yang relevan dengan keperluan semasa.

Program Memasak Bubur Sempena Hari Asyura



Pertandingan Masakan Etnik Tradisi dan Pertandingan Mewarna Sempena Bulan Kemerdekaan anjuran bersama PPWS Daerah Saratok dan PPWS Bahagian Sri Aman telah diadakan bertempat di Masjid AL-Muhtadin Saratok. Program ini telah diserikan lagi dengan kehadiran EXCO PPWS Bahagian Sri Aman, Hajah Masnah Binti Haji Ramli dan Hajah Hamdiah Haji Mat.



Program gotong royong memasak dan mengagihkan bubur asyura pada 28 Jun 2026 anjuran Perkumpulan Kampung Baru Betong dengan kerjasama Biro Wanita JKKK Kampung Baru Hulu Betong bertempat di perkarangan Surau Darul Taqwa Kampung Baru Hulu Betong telah dihadiri seramai 20 orang ahli. Tujuan program ini diadakan adalah untuk mengimarahkan sambutan Hari Asyura dan memperkukuhkan hubungan silaturahim dan semangat kerjasama di kalangan ahli PPWS serta penduduk kampung.

Kunjungan Mesra KWSP 24 Jun 2026



Kunjungan Mesra KWSP Sri Aman ke Perkumpulan Pusa telah diadakan di PAWE Pusa dengan kehadiran seramai 4 orang ahli. Program ini bertujuan untuk membincangkan peluang kerjasama dalam pelbagai aktiviti komuniti pada masa akan datang dan mengukuhkan jaringan hubungan demi manfaat bersama ahli dan masyarakat setempat.

Program Asas Pertolongan Cemas 25 Jun 2026



Program Asas Pertolongan Cemas oleh pihak JPAM Debak anjuran Perpustakaan Desa Kampung Pusa telah dihadiri oleh 25 orang ahli Perkumpulan Pusa. Tujuan program ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan asas pertolongan cemas dan memberi latihan sekiranya berlaku kemalangan kecil.

Program Sukaneka Rakyat (Battle of Fun) 27 Jun 2026



Program Sukaneka Rakyat (Battle of Fun) sempena Program Sahabat Maritim telah melibatkan enam Perkumpulan Kabong iaitu Kampung Sungai Endot, Kampung Muroh, Kampung Alit, Kampung Baru, Kampung Hilir dan Kampung Baru dengan penyertaan seramai 48 orang ahli. Program ini telah berlangsung di Dataran Pantai Tanjung Kembang, Kabong. Tujuan program ini adalah untuk mengeratkan hubungan silaturahim antara komuniti, memupuk semangat kerjasama dan kesukanan, serta meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap peranan Sahabat Maritim dalam menjaga keselamatan dan kelestarian pantai.

**PEMBUATAN CUCUR SAGU DAN BUBUR LELUAI
27 JANUARI 2026
BANGUNAN PPWS BANDAR BARU TANJUNG MANIS**



Ahli Perkumpulan Bandar Baru Tanjung Manis telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 01/2026 bagi merancang aktiviti sempena bulan Ramadan dan Majlis Ramah Tamah Aidilfitri. Selain itu, ahli turut mempelajari penyediaan makanan tradisional etnik Melanau, iaitu bubur leluai sagu dan cucur sagu sebagai usaha memelihara warisan budaya.

Gotong-Royong Masjid Kampung Belawai 7 Februari 2026



Ahli Perkumpulan Kampung Belawai telah mengadakan aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan masjid sempena persiapan menyambut bulan Ramadan. Seramai 20 orang ahli termasuk jawatankuasa telah terlibat. Program ini bertujuan memupuk kerjasama antara ahli PPWS dan Jawatankuasa Masjid demi kesejahteraan komuniti setempat.

Program Masak Bubur Pedas 28 Februari 2026 Bangunan PPWS Bandar Baru, Tanjung Manis



Ahli Perkumpulan Bandar Baru Tanjung Manis telah mengadakan aktiviti memasak bubur pedas sempena bulan Ramadan. Program ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada ahli. Pengerusi PPWS Bahagian Sibul/Sarikei/Kapit, Puan Anni Hashimah Sulaiman, turut hadir memeriahkan program.

Program Sumbangan Raya Jalanan Kasih Dihati Ramadan 28 Februari 2026 Bangunan PPWS Bahagian Sibul/Sarikei/Kapit



Seramai 40 penerima telah menerima sumbangan yang terdiri daripada 20 anak yatim dan 20 golongan kurang berkemampuan dalam kalangan ahli keluarga PPWS. Sumbangan ini hasil kutipan daripada setiap Perkumpulan serta kerjasama pelbagai agensi. Program ini diadakan setiap tahun bagi meringankan beban penerima menjelang Syawal.

Kelas Pembuatan Kompia & Kek Pisang 1 Februari 2026



Seramai 33 orang peserta telah menyertai kelas ini dengan komitmen yang sangat baik. Program ini dianjurkan oleh Perkumpulan Teku 2 dengan kerjasama ahli dan Jawatankuasa Perkumpulan. Turut hadir ialah Pengerusi Daerah Sibul, Puan Belkis Kipli, bagi memberi sokongan. Penghargaan diucapkan kepada tenaga pengajar, Puan Radinawati, atas kesudian berkongsi ilmu dan kemahiran sepanjang program berlangsung.

Program Memasak Bubur Pedas 3 Mac 2026 Masjid Nur Permai, Sarikei



Program ini dianjurkan oleh Perkumpulan Jalan Getah Sarikei dengan penyertaan seramai 17 orang ahli. Tujuan utama program ini adalah untuk bersedekah kepada komuniti setempat serta menyemarakkan bulan Ramadan.

**Majlis Tahlil Berbuka Puasa dan Solat
Tarawih Berjemaah
5 Mac 2026
Bangunan PPWS Daerah Sarikei**



Majlis ini dianjurkan oleh Perkumpulan Jalan Getah dengan kehadiran ahli serta sokongan Pengerusi Daerah Sarikei. Ceramah dan tahlil telah disampaikan oleh Ustaz Abdullah Mohd Hakim. Program ini diharap dapat mengeratkan silaturahim dan meningkatkan penghayatan ibadah.

**Sumbangan Juadah berbuka
Puasa ke Tahfiz Sibu
28 Februari 2026
Rumah Tahfiz, Sibu**



Program ini melibatkan kunjungan ke Rumah Tahfiz Sibu dengan penyertaan ahli PPWS Daerah Sibu. Seramai 30 orang pelajar telah menerima sumbangan dan sampul raya. Program ini mencerminkan keprihatinan ahli terhadap komuniti serta dilaksanakan setiap tahun.

**Program Jom Berambek Berbuka Puasa
7 April 2026
Dataran Tuanku Haji Bujang, Sibu**



PPWS Daerah Sibu telah menyumbang penyediaan minuman kepada pengunjung. Program ini melibatkan penyertaan pelbagai agensi dan NGO serta mendapat sambutan hangat masyarakat setempat. Program ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Datuk Dr. Haji Annuar Bin Haji Rapae, Timbalan Menteri Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat Sarawak.

**Sambutan Hari Wanita
8 Mac 2026
Restaurant Honey, Sarikei**



Seramai 160 orang ahli telah menghadiri majlis ini yang dianjurkan oleh PPWS Daerah Sarikei. Majlis ini turut mendapat sokongan pemimpin setempat dan sumbangan bagi menjayakan aktiviti tahunan. Penghargaan diberikan kepada semua ahli atas komitmen berterusan dalam memperkasa aktiviti PPWS. Ucapan setinggi-tinggi terima kasih di atas kehadiran YB Dato Sri Huang Tiong Sii, Timbalan Menteri Peladangan dan Komoditi merangkap Ahli Parlimen P.208 Sarikei serta ADUN N.45 Repok yang diwakili oleh Penghulu Huang Tiong Kang.

**Majlis Makan Malam Amal 2026 Sempena
Ulang Tahun ke-64 PPWS Bahagian
Sibu/Sarikei/Kapit
9 Mei 2026**

Dewan Kompleks Islam Sarawak, Sibu



Majlis ini dianjurkan sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-64 PPWS. Majlis telah dirasmikan oleh wakil Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Encik Mohammed Kamaluddin bin Mohd Effendie. Beliau turut menzahirkan penghargaan terhadap peranan dan sumbangan PPWS sepanjang lebih enam dekad dalam memperkasa wanita di Sarawak melalui pelbagai usaha memperkukuh perpaduan, meningkatkan kemahiran serta memperjuangkan kesejahteraan wanita dan keluarga. Beliau turut menyatakan bahawa kerjasama erat antara kementerian dan badan bukan kerajaan seperti PPWS amat penting bagi memastikan pelaksanaan program dapat memberi manfaat secara langsung kepada masyarakat di peringkat akar umbi. Majlis turut menjadi simbol penghargaan terhadap komitmen dan dedikasi ahli-ahli PPWS dalam memperjuangkan pembangunan wanita serta kebajikan masyarakat di Sarawak.

**Pelikat & Batik Fun Walk 2026
10 Mei 2026
Tapak Perkarangan Letak kereta
Kompleks Islam Sarawak, Sibü**



**Kelas Pembuatan Kuih Bongkol
17 Ogos 2025
Lundu, Sarawak**



Perkumpulan Kampung Semunin Jaya, Lundu telah mengadakan Kelas Pembuatan Kuih Bongkol. Program ini dapat membantu ahli menjana pendapatan tambahan melalui penghasilan dan penjualan produk kuih bongkol secara kecil-kecilan atau sebagai peniagaan dari rumah.

Program ini berjaya menghimpunkan ahli PPWS dan masyarakat dalam suasana meriah. Ia bertujuan menggalakkan gaya hidup sihat serta mengukuhkan hubungan komuniti. Selain itu, program ini turut berfungsi sebagai platform pengumpulan dana bagi menyokong aktiviti pembangunan wanita. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Pengerusi Negeri Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak yang dalam ucapannya menzahirkan penghargaan dan tahniah kepada PPWS Cawangan Sibü/Sarikei/Kapit kerana menjadi cawangan pertama menganjurkan program berkonsepkan kebajikan dan gaya hidup sihat ini. Beliau turut merakamkan penghargaan khusus kepada Puan Anni Hashimah binti Sulaiman selaku Pengerusi Program, Puan Maimunah Yusuf sebagai Pengelola Cawangan, serta seluruh ahli jawatankuasa dan sukarelawan yang telah bertungkus-lumus memastikan kelancaran program.

**Program Advokasi Kesejahteraan untuk Wanita @Keganasan Rumah
Tangga (Aku Wanita@KRT)
Dewan Canselor Tun Abdul Taib Mahmud,
University of Technology Sarawak (UTS), Sibü
14 Mei 2026**



Seramai 45 ahli PPWS Daerah Sibü telah menyertai program ini yang dianjurkan oleh Jabatan Pembangunan Wanita (JPW). Program ini bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai gangguan seksual dan keganasan rumah tangga serta memperkukuh sokongan komuniti dalam menangani isu tersebut.

Majlis Sambutan Jubli, Penyerahan Projek dan Hari Raya 2 April 2026 Bangunan PPWS Bintulu



PPWS Daerah Bintulu/Tatau telah menganjurkan Majlis Sambutan Jubli Bangunan PPWS, penyerahan projek (RTP) serta sambutan Hari Raya Aidilfitri. Majlis ini bertujuan meraikan pencapaian organisasi serta menghargai sumbangan pihak berkepentingan. Acara kemuncak ialah penyerahan rasmi projek daripada YB Tuan Iskandar bin Hj Turkee kepada Pengerusi Negeri PPWS, Dato Hajah Norhyati binti Haji Ismail. Majlis turut diserikan dengan simbolik pemotongan pulut kuning sebagai tanda kesyukuran dan perpaduan dalam kalangan ahli serta komuniti setempat.

Kelas Membuat Bingka Cheese dan Apam Gula Hangus 2 April 2026 Bangunan PPWS Bintulu



Ahli Perkumpulan Marudi sedang belajar secara praktikal teknik membuat kuih

Hi-Tea Perkumpulan Gartak 2 Februari 2026 Dynasty Hotel



Sebahagian ahli yang hadir



Merakam gambar kenangan bersama setelah majlis selesai

Perkumpulan Gartak telah mengadakan majlis hi-tea sebagai platform "greet and meet" yang menghimpunkan ahli baharu dan ahli lama. Program ini bertujuan mengeratkan silaturahim, memupuk semangat kekitaan serta memperkukuhkan hubungan dalam kalangan ahli. Majlis diakhiri dengan sesi bergambar sebagai kenangan bersama.



Jurutunjuk Puan Sarimah Hamid bersama salah seorang ahli yang menghadiri kelas

Perkumpulan Marudi telah menganjurkan sesi demonstrasi penyediaan kuih tradisional iaitu bingka cheese dan apam gula hangus yang dikendalikan oleh Puan Sarimah Hamid. Program ini bertujuan memperkenalkan teknik penyediaan kuih kepada ahli serta memelihara warisan kuliner tempatan. Para peserta berpeluang mempelajari kaedah penyediaan secara langsung di samping meningkatkan kemahiran dalam bidang masakan.

**Sambutan Hari PPWS
Daerah Bintulu / Tatau
22 Mei 2026
Li Hua Hotel, Bintulu**



Sambutan Hari PPWS bagi Daerah Bintulu/Tatau telah berlangsung dengan meriah dengan kehadiran seramai 120 orang ahli. Program ini bertujuan mengeratkan hubungan sesama ahli serta memperkukuh semangat perpaduan dalam organisasi. Majlis turut menampilkan simbolik pemotongan kek serta sesi bergambar bersama sebagai tanda penghargaan dan kenangan.

**Sambutan Hari PPWS Peringkat
Daerah Miri / Lutong
9 Mei 2026
Dynasty Hotel Miri**



PPWS Daerah Miri/Lutong telah mengadakan sambutan Hari PPWS yang dihadiri oleh lebih 80 orang ahli. Program ini bertujuan menghimpunkan ahli serta memperingati penubuhan PPWS di samping mengukuhkan semangat kebersamaan. Pelbagai aktiviti menarik telah dianjurkan termasuk Pertandingan Catwalk yang berjaya mencungkil bakat dan keyakinan diri peserta. Majlis turut diserikan dengan upacara pemotongan pulut kuning oleh barisan kepimpinan.

**Majlis Perasmian Fasiliti
SisaSmart @Bintulu
16 Jun 2026
Bangunan PPWS Bintulu**

Majlis Perasmian Fasiliti SisaSMART@Bintulu (BDA-PPWS) merupakan satu inisiatif penting dalam usaha memperkasa pengurusan sisa secara lestari. Program ini mencerminkan komitmen PPWS dalam mempromosikan kesedaran alam sekitar dan amalan pengurangan sisa makanan dalam komuniti. Majlis telah disempurnakan oleh Datu Haji Muhamad Yakub bin Kari, Pengurus Besar BDA, dan turut dihadiri oleh Dr. Keeren Sundara Rajoo serta kepimpinan PPWS. Kerjasama strategik antara PPWS, BDA dan UPM Sarawak melalui projek ini dijangka memberi impak positif yang berpanjangan kepada masyarakat setempat. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Datu Haji Muhamad Yakub bin Kari, Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Bintulu (BDA), dan turut dihadiri oleh Dr Keeren Sundara Rajoo, Ketua Projek "Towards Zero Food Waste in Bintulu", kepimpinan PPWS serta para tetamu jemputan. Kerjasama antara PPWS, BDA dan UPM Sarawak melalui projek ini dilihat sebagai satu model kerjasama strategik yang mampu memberikan impak berpanjangan kepada komuniti setempat dalam usaha mengurangkan sisa makanan dan meningkatkan kesedaran terhadap penjagaan alam sekitar.



Dato Hajah Norhyati Mohd Ismail (Pengerusi Negeri PPWS), Datu Haji Muhamad Yakub bin Kari (Pengurus Besar BDA) dan Dr Keeren Sundara Rajoo (Ketua Projek) semasa simbolik perasmian



Para tetamu tekun mendengar penerangan dari Ketua Prjek, Dr Keeren Sundara Rajoo



Para tetamu berada di ruangan Pusat Fasiliti SisaSmart @Bintulu

Kelas Kraftangan Anyaman Straw 25 Januari 2026



Seramai 11 orang ahli Perkumpulan Kampung Pangi, Lawas telah menyertai kelas kraftangan anyaman berasaskan straw (penyedut minuman). Peserta berjaya menghasilkan pelbagai corak anyaman yang kreatif dan menarik menggunakan teknik asas anyaman.



Pelbagai jenis corak anyaman yang telah dihasilkan.



Salah satu teknik anyaman berasaskan straw

Lawatan Perkumpulan Kampung Ipai, Limbang 31 Januari 2026



Rombongan ahli Perkumpulan Kampung Ipai seramai 30 orang telah menyertai Lawatan Sambil Belajar ke Kampung Punang Lawas



Lawatan ke Pusat Pemprosesan Ikan Tahai



Lawatan ke Pusat Tenunan D'mar, Kampung Punang, Lawas



Puan Aini binti Mail menyampaikan cendahari kepada Puan Hj Mariam Bt Hj Kadir, Pengusaha Tenunan Songket.

Demo Membuat Biskut Semperit & Kek Buah Anjuran PPWS Daerah Lawas 25 Februari 2026



Peserta menunjukkan biskut yang telah berjaya dihasilkan



Cik Siti Zubaidah binti Kamis menunjukkan cara membuat biskut semperit.

Program demonstrasi pembuatan biskut semperit dan kek buah telah dianjurkan oleh PPWS Daerah Lawas. Peserta berpeluang mempelajari teknik penyediaan dan menghasilkan sendiri produk tersebut dengan bimbingan tenaga pengajar.

Penyertaan PPWS Daerah Lawas di Bazaar Ramadhan Lawas 27 Februari 2026



Majlis Perasmian Bazar Ramadhan Lawas, YB Dato Henry Sum Agong Ahli Parlimen P222 Lawas mewakili Tim Premier Sarawak telah singgah di Lot Bazar PPWS Daerah Lawas.



Pelbagai juadah berbuka puasa yang terdapat di gerai jualan PPWS

Perkumpulan Kampung Jenan, Serian mengadakan kelas membuat Kuih Cina. Melalui program sebegini dapat memupuk semangat perpaduan dan menghargai kepelbagaian budaya melalui aktiviti pembelajaran tentang makanan tradisional masyarakat cina di Malaysia.

Majlis Di Ambang Sambutan Hari PPWS Kali Ke 64 Tahun Dan Jalinan Mesra Aidilfitri PPWS Daerah Lawas 11 Mac 2026



Majlis Perasmian Bazar Ramadhan Lawas, YB Dato Henry Sum Agong Ahli Parlimen P222 Lawas mewakili Tim Premier Sarawak telah singgah di Lot Bazar PPWS Daerah Lawas.



Pelbagai juadah berbuka puasa yang terdapat di gerai jualan PPWS

Bengkel Mengait Beg Rajut Kain (Crochet Bag) 14 Mac 2026



Bengkel ini memberi peluang kepada ahli mempelajari kemahiran mengait beg rajut. Hasil kerja tangan peserta menunjukkan kreativiti dan kesungguhan, di samping memupuk semangat kerjasama serta mengeratkan silaturahim.

Majlis Qong Xii Raya PPWS Daerah Limbang 20 Mac 2026



Penyerahan Cenderahati kepada Puan Marie Cotilla Louise Rozita Kulai, Pemangku Residen Bahagian Limbang (tengah)



Ucapan Aluan oleh Puan Hajah Dayang Suridah binti Haji Mohd' Superi (Pengerusi PPWS Daerah Limbang)



Puan Rozita melawat ke setiap gerai makanan sebanyak 6 Zon PPWS di Daerah Limbang

Penyertaan Pertandingan Bola Jaring Liga Sukan Komuniti Peringkat Bahagian Limbang 13 Jun 2026



Ahli PPWS Daerah Lawas dan Daerah Limbang telah bersama-sama menyertai Pertandingan Bola Jaring Peringkat Bahagian Limbang. Penyertaan ini mencerminkan semangat kesukanan dan kerjasama antara ahli.

AKTIVITI KOPERASI PERKUMPULAN WANITA SARAWAK BERHAD (KOPERWANIS)

Pesta Bubur Pedas Sarawak 10 Januari 2026 Bangunan Koperasi Perkumpulan Wanita Sarawak Berhad (KOPERWANIS), Metrocity Matang



Demonstrasi Memasak Bubur Pedas oleh YABhg. Toh Puan Datuk Patinggi Fauziah Mohd Sanusi telah diadakan pada pagi tadi sempena Program Pesta Bubur Pedas Sarawak 2026 anjuran Koperasi Perkumpulan Wanita Sarawak Berhad (KOPERWANIS) dengan kerjasama Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak (PPWS) dan iCEPS, UiTM Sarawak. YABhg. Toh Puan Datuk Patinggi juga sudi menyampaikan hadiah kepada pemenang-pemenang dalam Pertandingan Masakan Bumbu Bubur Pedas dan Pertandingan Mewarna Kategori Warga Emas dan Kanak-Kanak. Agihan bubur pedas secara percuma juga diagihkan kepada orang awam. Turut hadir ialah YB Dato Sri Hajah Fatimah Abdullah, Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti, Sarawak. Hadir menyerikan majlis juga kehadiran YBhg. Dato Hajah Rugayah Abdul Majid, Penasihat PPWS dan YBhg. Dato Hajah Norhyati binti Haji Mohd Ismail, Pengerusi Negeri PPWS. Program ini bertempat di Premis KOPERWANIS, Metrocity, Matang.

Penyertaan Booth Sempena Program Hari Wanita Antarabangsa Peringkat Zon Borneo Tahun 2026 28 Januari 2026 Hotel Pullman, Kuching



KOPERWANIS turut serta dalam aktiviti jualan produk



SETINGGI-TINGGI TAHNIAH



**YBhg. Datuk Hajah Rugayah Abdul Majid,
Penasihat PPWS**

atas penganugerahan
Panglima Jasa Negara (P.J.N)

Yang membawa gelaran 'Datuk'

bersempena dengan
Hari Keputeraan Rasmi Yang di-Pertuan Agong

pada
1 Jun 2026

Tulus Ikhlas Daripada:
Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak

Sekalung Tahniah



HAJAH ZAINAB BINTI TAMBI

Beliau dipilih dalam

**100 WANITA INSPIRASI
NASIONAL 2026**

pada 26 Mac 2026, di Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur



Tulus Ikhlas Daripada:

Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak (PPWS)



SEKALUNG TAHNIAH



**YBhg. Dato Hajah Rugayah Abdul Majid,
Penasihat PPWS**

atas penganugerahan
Anugerah Ikon Wanita 2026

Sempena
Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2026
pada 10 Mac 2026, di MITEC Kuala Lumpur

Tulus Ikhlas Daripada:
Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak (PPWS)

Sidang redaksi:

1. Hajah Hamdiah binti Haji Mat - Pengerusi
2. Dr Azlina binti Bujang
3. Hajah Rhohanniza binti Amika
4. Siti Aishah binti Rohiban
5. Dyg Noor Ruzaliny binti Awg Jamain
6. Maimunah binti Yusuf
7. Sofiani binti Usop
8. Nurul Izza binti Hanis
9. Mohd Dol bin Sulaiman

ISSN 3030-6531



9 773030 653003